

## BAB DUA

### PERGERAKAN ISLAM DAN KUMPULAN PENDESA

#### 2.0. Maksud Pergerakan Islam

Pergerakan Islam (*Harakah Islamiyyah*) secara umum merujuk kepada organisasi yang memperjuangkan aspirasi kelompok-kelompok Muslim tertentu. Tokoh gerakan Islam antarabangsa, Fathi Yakan mengatakan bahawa Pergerakan Islam adalah suatu pertubuhan antarabangsa yang didokong oleh para pejuang Muslim di negara-negara Islam dan tersebar luas di seluruh dunia.<sup>1</sup> Organisasi ini berpegang teguh pada tujuan utamanya iaitu berdakwah secara bersih dan murni, sesuai dengan perkembangan zaman, menangani segala masalah dan tuntutannya, mengajak kepada iman dan menanamkan jiwa beramal di jalan Allah melalui suatu organisasi yang kuat dan didokong oleh anggota-anggotanya yang terdiri dari kaum Muslimin yang militan. Dr. Anis Ahmad mengakui bahawa apa yang dinamakan sebagai Pergerakan Islam (*Islamic Movement*) itu sebenarnya adalah Pertubuhan Islam (*Islamic Organization*).<sup>2</sup> Sehubungan dengan itu, Pertubuhan Islam yang ingin menjadi sebuah Gerakan Islam harus memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:<sup>3</sup>

- a. Must take Islam in its totality.
- b. Its objective should be clear as to establish '*deen*' of Allah. The establishment will be in the individual realm, family and country at global level .
- c. Its methodology has to be distinct, must follow from Al-Quran and Sunnah.

<sup>1</sup> Dikutip dari sinopsis tulisan Fathi Yakan yang bertajuk "Pergerakan Islam" diterbitkan dalam bentuk rencana oleh ABIM (tanpa tahun), Kajang , Selangor : Perpustakaan Pusat Latihan ABIM, hal. 1.

<sup>2</sup>Dr. Anis Ahmad, "Presentation On Contemporary Islamic Orgasnizations : II Asia", Kertas kerja dibentangkan dalam 7<sup>th</sup> IIFSO International Conference di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands pada 4–9 Ogos 1989, hal. 1.

<sup>3</sup> Ibid.

- d. It must extend for its qualitative change; should not be concerned with the number of workers but with the quality i.e. training and *tarbiyah*.
- e. It should have a system of evaluation and criticism within the organization as well as outside.

Ketika menyentuh perkara yang sama, S. Abul A'la Maududi<sup>4</sup> menekankan kelayakan yang perlu ada pada *Harakah Islamiyyah*, iaitu persaudaraan (*Ukhuwwah*), Musyawarah (*Al-Syura*), tata tertib (disiplin) dan teguran yang membina. Perlu disebutkan bahawa pada waktu kebelakangan ini, gerakan Islam banyak dipengaruhi oleh falsafah Ibnu Taimiyah (1263 M -1328M) yang dimuatkan dalam bukunya "As-Siyasah Ash-Syari'ah Fi Islam ar-Raiwar'r-Raliyyah" (Pentadbiran berdasarkan syariah mengenai pemberian pemerintah dan rakyat). Falsafahnya menekankan kesetiaan yang padu kepada Allah, Rasul dan pemerintah. Pemerintah pula hendaklah meminta nasihat dari para ulama dan hendaklah memerintah dengan adil. Selain itu, beliau juga menekankan kepada pembentukan ummah yang melaksanakan Syari'at Allah.<sup>5</sup>

Dariuraian di atas dapat disimpulkan bahawa pergerakan Islam itu antara lain mempunyai ciri-ciri seperti berikut;

1. Sebuah organisasi Islam yang dipelopori oleh anggota sosial yang komited dengan Islam.
2. Wawasan perjuangan hingga ke seluruh dunia dengan kumpulan sasaran, iaitu masyarakat Islam dan bukan Islam.
3. Prinsip perjuangannya, iaitu dakwah dan tarbiyah.

---

<sup>4</sup> S. Abul A'la Maududi, *Prasyarat Kejayaan Harakah Islamiyyah* (terjemahan), Kuala Lumpur : Pustaka Fajar, 1985, hal. 21-26.

<sup>5</sup> Mansoor Marican, Y., (ed.), *Dasar-dasar Ilmu Politik*, Kuala Lumpur : DBP, 1982, hal. 115.

4. Bergerak secara berkumpulan (jemaah) dengan perancangan dan pendekatan bertahap.
5. Matlamatnya sama, iaitu meningkatkan kesedaran masyarakat agar merealisasikan Islam sebagai satu cara hidup. (*Nizam al-Hayah*)

## **2.1. Tanggungjawab, Prinsip, Ciri-ciri dan Persediaan Gerakan Islam**

### **2.1.1. Tanggungjawab**

Sejarah telah membuktikan bahawa gerakan Islam yang menjadi sebuah pertubuhan yang mantap bermula dari gerakan *tajdid* atau *islah*.<sup>6</sup> Di peringkat antarabangsa, peranan gerakan Islam ini adalah mendasar kerana bertujuan untuk menghambakan manusia kepada Allah semata-mata. Sebab itulah antara usahanya adalah menghapuskan penjajahan dan membendung ideologi yang menghambat umat dari kembali kepada keperibadian yang asli.

Menurut Yusuf Al-Qardhawi, dalam setiap negeri Islam perlu muncul satu pergerakan Islam yang mempunyai kesedaran yang menyeluruh, yang memikul tanggungjawab menyeru masyarakat kepada perlaksanaan sistem Islam, menghidupkan kembali masyarakat Islam, serta membentuk generasi Islam yang bertekad untuk menyediakan jalan ke arah mengembalikan semula pemerintahan Al-Quran dan negara Islam.<sup>7</sup> Menurutnya, gerakan Islam itu dibentuk berdasarkan ajaran-ajaran Al-Qur'an dan melaungkan dakwah Rasulullah SAW.

---

<sup>6</sup> Terdapat perbezaan kecil antara *tajdid* (pembaharuan) dan *islah* (membaiki), tetapi kedua-dua terminologi digunakan dengan maksud yang sama dalam konteks penghayatan Islam seutuhnya seperti diamalkan oleh generasi Islam yang awal iaitu golongan salaf. Keterangan lanjut, lihat John O. Voll, *Renewal and Reform in Islamic History : Tajdid and Islah*, dalam John L. Esposito (ed.), *Voices of Resurgent Islam*, New York : Oxford University Press, 1983, hal. 32-35.

<sup>7</sup> Yusuf al-Qardhawi, *Harakah Islamiyah: Satu Tuntutan*, Shah Alam:Dewan Pustaka Fajar,1983, hal. 19.

Sehubungan dengan itu, beliau telah meneruskan bahawa tugas dan tanggungjawab gerakan Islam secara umum ialah tegak menghadapi arus kemungkaran yang terdiri daripada tamadun kebendaan, kemajuan hawa nafsu dan kemewahan yang telah meratah bangsa-bangsa Islam. Oleh yang demikian, usaha-usaha kelslamatan ini perlu dilaksanakan secara berencana dengan penyusunan organisasi yang mantap, iaitu wujudnya pimpinan yang bertanggungjawab dan pengikut yang taat.<sup>8</sup>

### **2.1.2. Prinsip Gerakan Islam**

Gerakan Islam sebagai wadah yang memperjuangkan kepentingan ummah memang wajar mempunyai prinsip-prinsipnya yang tersendiri kerana pada umumnya ia diasaskan kepada keikhlasan untuk berjuang dengan tujuan dan cara yang serba Islamiyyah. Selaras dengan ini, maka setiap harakah Islam perlu menjadi gerakan '*Rabbani*' dalam erti kata setia pada idealisme menjunjung tinggi kalimah Allah dan meletakkan agama Islam sebagai anutan yang paling unggul mengatasi agama-agama lain.

*Rabbani* juga membawa erti bahawa seluruh konsep, hukum, akhlak, tata susila dan pemikirannya adalah bersumberkan kepada agama Allah yang kekal dan risalah yang terakhir. Ini bererti bahawa yang menjadi pokok asas kepada gerakan Islam ialah supaya semua pihak yang menjadi pendukung kepada harakah ini tunduk kepada syari'at Allah dan mereka inilah yang harus menjadi pelopor sebelum golongan bawahan dan anggota biasanya mengikuti. Penyerahan seutuhnya jiwa dan raga kita ini adalah sejajar dengan firman Allah yang bermaksud;

---

<sup>8</sup> Ibid, hal. 4.

"Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah Tuhan alam semesta."<sup>9</sup>

Prinsip kedua ialah *Harakah Islamiyyah* perlu setia kepada norma dan kaedah operasi yang mengikut ketetapan perundangan Islam. Prinsip ini perlu dipegang teguh dan tidak seharusnya digadaikan, meskipun ia menghadapi cabaran-cabaran besar. Ini tidak pula bererti bahawa *Harakah Islamiyyah* tidak perlu mengambil kira perubahan-perubahan sosial, malah gerakan Islam yang '*competence*' adalah gerakan yang dapat mengimbangi antara kelslamatan dan kekinian (*bayna'l-asalati wa'l-mu'asarah*), menangani persoalan zaman kini dengan inspirasi dari masa lalu, realistik dalam erti memperhitungkan kenyataan-kenyataan (*living realities*) zaman dan lingkungan, namun tetap setia kepada prinsip. Inilah yang diistilahkan sebagai *waq'i'iyyah mu'assalah* atau sikap realistik yang berprinsip. *Harakah Islamiyyah* perlu mempunyai prinsip sebagai gerakan pembawa kemajuan agar ummah merasakan kehadiran dan sumbangannya. Ini bererti gerakan-gerakan Islam tidak '*anti-pembaharuan*' sebaliknya mempunyai keinginan untuk mengikuti perubahan zaman dan kemajuan. Sungguhpun demikian, kemajuan itu bukan dalam erti kata yang sempit yang bercanggah dengan fitrah kejadian manusia, malah kemajuan dalam Islam adalah kemahuan mempertingkatkan perasaan, pemikiran dan akhlak manusia seperti yang dikemukakan oleh Fathi Yakan;

"...Kemajuan dalam bidang ilmu dan penerokaan alam sangat yang bukan semata-mata bertujuan untuk merakamkan penerokaan-penerokaan baru dalam bidang ilmu tetapi kemajuan yang bertujuan untuk menambah lagi pengetahuan dan makrifat manusia tentang kebesaran, keindahan, kekuasaan dan keagungan Allah Tuhan semesta alam."<sup>10</sup>

---

<sup>9</sup> Surah Al-An'am (6 : 162)

<sup>10</sup> Fathi Yakan, *Apa Errinya Saya Menganut Islam*, (terjemahan) Alias Othman, Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1984, hal. 141.

Selain itu, gerakan Islam harus bergerak dalam kerangka Islam yang menyeluruh sejajar dengan kedudukan Islam sebagai agama yang sempurna dan pernyataan kepada umat manusia agar mereka masuk Islam dengan menyeluruh. Sehubungan dengan itu, gerakan Islam perlu berorientasikan *salafiyy*, iaitu mengajak supaya umat kembali kepada akar umbi ajaran Islam yang sebenarnya. Ini juga bermakna bahawa gerakan Islam tidak mengabaikan sunnah atau aspek kemasyarakatan kerana ia bekerja untuk menghidupkan kembali sunnah yang suci serta untuk memelihara dan menjaga urusan umat Islam dalam semua perkara.

Gerakan Islam juga harus konsisten dengan prinsip berdakwah untuk penyatuan ummah kerana perselisihan ummah akan memberi kesan terhadap perjuangan mereka dan sekaligus hanya akan menyebabkan kegagalan ummah, sebagaimana peringatan Allah di dalam Al-Qur'an , yang bermaksud;

"Janganlah sekali-kali kamu bertelagah maka kamu akan gagal"<sup>11</sup>

Dalam rangka memenuhi fungsi-fungsi ini, *Ikhwan al-Muslimin* di Mesir misalnya mengambil pendekatan dakwah untuk menyatukan umat Islam dalam masalah-masalah pokok dan kaedah-kaedah Islam. Sehubungan dengan itu, Imam al-Syahid Hassan al-Banna ada menyebut dalam ucapannya sempena Muktamar *Ikhwan al-Muslimin* yang keenam. Katanya,

Hubungan kita dengan jamaah lain adalah berdasarkan kasih sayang, bekerjasama, berukhuwah dan saling mempercayai antara satu dengan yang lain. Kita mengasihi mereka, kita menolong mereka serta mencuba sedaya upaya untuk menghilangkan perbezaan pandangan serta berusaha untuk menyatukannya berdasarkan kebenaran dan semangat kerjasama. Pendapat *fikah* atau *khilaf madhab* tidak mungkin meretakkan hubungan antara kami".<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Surah Al-Anfal (8 : 46)

<sup>12</sup>Muhammad Abu Al-Fathi Al-Bayanuniy,*Penyatuan Kerja Gerakan Islam : Di Antara Kenyataan dan Harapan*, terjemahan Mustaffa Mat Daud, Petaling Jaya : Budaya Ilmu Sdn. Bhd., 1992. Hal. 46-47

Dengan keterangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa prinsip-prinsip perjuangan adalah asas yang penting untuk menentukan kekuatan dan masa depan sesebuah gerakan Islam. Gerakan yang berprinsip perlu bertonggak kepada aqidah dan memberi penekanan kepada dimensi-dimensi lain. Dengan prinsip yang konsisten, realistik dan relevan, maka ini sekaligus akan membantu gerakan-gerakan Islam itu membina kekuatan dalaman untuk tampil sebagai kumpulan yang bukan sahaja berpengaruh dalam medan tempatan, tetapi berupaya menjadi model di peringkat antarabangsa.

### **2.1.3. Ciri-ciri Pergerakan Islam**

Masa depan Islam berkait sekali dengan jihad ummah, maka gerakan Islam sewajarnya mempunyai ciri-ciri perjuangan yang '*mandir*' dan berdikari, tidak mendambakan diri secara membuta tuli, terutamanya kepada pihak '*establishment*', meskipun anggota jemaah itu turut dianggotai oleh mereka yang menjadi alat pemerintah. Dengan perkataan lain gerakan Islam perlu bergerak dalam acuannya tanpa percanggahan dengan Syariat yang hakiki.

Gerakan Islam juga perlu mempunyai ciri-ciri pendekatan '*akomodatif*', iaitu menyesuaikan diri dengan perkembangan dan perubahan sosial yang positif. Gerakan Islam jangan '*gopoh'(isti'ja)*' untuk menangani permasalahan ummah atau mempermudahkan masalah sehingga mengambil langkah yang terburu-buru. Sebaliknya, ia perlu beransur-ansur dalam semua peringkat perjuangan, tidak

mengambil hak orang lain dan cekal menghadapi tentangan-tentangan sebagai badan dakwah.<sup>13</sup>

Gerakan Islam juga adalah organisasi yang mempunyai program kerja atau agenda besar yang diiringi dengan usaha-usaha bersepada untuk mencapai wawasan yang dicita-citakan itu. Keutamaan ialah memberi sumbangan yang nyata untuk kepentingan ummah dan bukan propaganda kosong. Hakikat ini perlu disedari selaras dengan tabiat Islam yang tidak menggalakkan hebahan-hebahan besar untuk mengelakkan sifat-sifat riak yang akhirnya akan merosakkan semua amalan itu

Bekerja di medan dakwah memerlukan kesungguhan dan kecekalan hati, sejajar dengan hakikat bahawa perjalanan dakwah itu terlalu jauh dan ia adalah jihad yang penuh dengan ranjau. Allah SWT telah memaklumkan kepada kita akan hakikat ini;

"Apakah manusia itu menyangka bahawa mereka dibiarkan (sahaja) dengan mengatakan: 'Kami telah beriman', sedangkan mereka tidak diuji lagi. Dan sesungguhnya kami telah menguji orang-orang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya ia mengetahui orang-orang yang dusta."<sup>14</sup>

Sehubungan dengan itu, gerakan Islam perlu mempunyai strategi-strategi dan pendukung-pendukung yang teguh ketahanan mental dan fizikalnya sebagai manifestasi dari ciri-cirinya yang sedar bahawa tujuan utama perjuangan mereka adalah untuk

<sup>13</sup> Imam Hassan Al-Banna membataskan peringkat dakwah kepada tiga, iaitu *ta'aruf* (pengenalan), *takwim* (pembentukan) dan *tanfiz* (pelaksanaan). Peringkat *ta'aruf*, iaitu dengan menyebarkan fikrah secara umum di kalangan orang ramai dengan membangunkan kesedaran, membimbing, mewujudkan pertubuhan-pertubuhan yang bermanfaat dan cara-cara lain yang perlu. Peringkat *takwim*, ialah memilih individu atau kumpulan yang layak memikul tanggungjawab jihad dan bergabung antara sesama mereka. Di peringkat *takwim*, orang-orang yang akan menggabungkan diri kedalam dakwah hanyalah orang yang benar-benar bersedia untuk memikul tanggungjawab jihad. Persediaan penting untuk tanggungjawab ini ialah ketataan yang mutlak dan sempurna. Dalam peringkat *tanfiz*, dakwah bererti jihad yang tidak mengenal rehat serta amalan yang berterusan. Peringkat ini juga akan menyaksikan timbulnya berbagai tribulasi dan kejayaan dakwah di sini hanya boleh dijamin dengan ketataan yang sempurna dan mutlak. Lihat, Hassan al-Banna, *Usrah dan Dakwah*, Petaling Jaya : Angkatan Belia Islam Malaysia, 1979.

<sup>14</sup> Surah Al-Ankabut (29 : 2 - 3)

mendapat keredhaan Allah SWT. Gerakan Islam adalah gerakan yang mampu membaca perkembangan semasa dan bersedia untuk menampilkan alternatif terbaik sekiranya masyarakat menghendakinya. Gerakan Islam juga perlu mempunyai strategi agar tidak terkandas di tengah jalan dan tidak tergesa-gesa untuk mencapai hasil sebelum masanya. Penekanan pada tahap ini ialah bagaimana kejayaan yang hakiki boleh dicapai. Sekiranya gagal, maka tidak harus ada perasaan kecewa kerana sesungguhnya "Kemenangan itu hanyalah dari Allah"<sup>15</sup> dan kita tidak mungkin mengatasi taqdir Allah seperti yang telah diperintahkan melalui firman Allah SWT yang bermaksud;

"Dan kamu tidak (mampu melakukan) apa yang kamu kehendaki kecuali apa yang tidak dikehendaki Allah".<sup>16</sup>

Selain itu, gerakan Islam yang mantap adalah yang sanggup mempertahankan kebenaran, walaupun ia akan menimbulkan kesan-kesan negatif. Gerakan Islam dipertanggungjawabkan untuk menegakkan 'Amar Ma'ruf Nahi Munkar' dan Rasulullah SAW telah memberi panduan apa yang harus dilakukan bilamana berlaku kemungkaran seperti yang diungkapkan dalam hadis riwayat At-Tirmizi daripada Abu Hurairah R.A, yang matlamatnya;

"Barang siapa di antara kamu melihat kemungkaran, hendaklah merubahnya dengan tangan (kuasa). Barang siapa yang tidak mampu (kerana tidak mempunyai kuasa) hendaklah merubahnya dengan lidah (nasihat). Barang siapa yang tidak mampu merubahnya dengan lidah, hendaklah ia merubah dengan hatinya (menjauhi) walaupun yang demikian itu mencerminkan iman yang paling lemah."<sup>17</sup>

---

<sup>15</sup> Surah 'Ali Imran (3 : 126)

<sup>16</sup> Surah Al-Insaan (76 : 30)

<sup>17</sup> Keterangan lanjut. Lihat Fathi Yakan, op. cit., 1984.

Namun, ini tidak bererti gerakan Islam wajar mengambil pendekatan yang boleh mendedahkan segala taktik, perencanaan dan tanzim, semata-mata agar mereka dipandang sebagai prihatin dengan permasalahan sosial. Gerakan Islam harus teguh dengan perwatakannya yang asal dan berperanan untuk menjadi pembimbing ummah, dengan seruan-seruan sama ada yang disuarakan secara lisan maupun dengan tulisan. Firman Allah SWT dalam Al-Qur'an, yang bermaksud;

"Serulah (semua manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmat dan pengajaran yang baik".<sup>18</sup>

Gerakan Islam juga harus berusaha untuk mengambil pendekatan '*uzlah*' yang mencerminkan identiti mereka sendiri iaitu '*uzlah syu'uriyah*' (pengasingan perasaan) supaya perjuangan itu menjadi suci<sup>19</sup>. *Uzlah* bermaksud wujudnya perbezaan dalam bentuk pemikiran, konsep, cara hidup, perasaan dan kepekaan rasa antara *dai'* dan kumpulan-kumpulan lain, tetapi *uzlah* tidak wujud dalam bidang amal, gerakan, pergaulan dan dakwah.

Akhirnya gerakan Islam juga harus bersifat selektif, yang tidak membezakan antara matlamat dan cara. Matlamat dan cara harus berlandaskan perundangan Islam, mengandungi ciri akidah dan akhlak. Amal yang dilakukan untuk mencapai matlamat tidak boleh dilakukan dengan batil, sekalipun kebatilan itu merupakan perkataan atau slogan-slogan yang dilaungkan.<sup>20</sup> Selain itu harus dipastikan bahawa gerakan Islam tidak tunduk atau bertolak ansur dalam perkara akidah seperti yang diserukan dalam Al-Qur'an yang bermaksud;

<sup>18</sup> Surah An-Nahl (16 : 25)

<sup>19</sup> Fathi Yakan, op. cit., 1984, hal.149-151.

<sup>20</sup> Surah Al-Kahfi (18 : 29)

"Katakanlah, 'Hai orang-orang kafir, aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah dan kamu bukan menyembah Tuhan yang ku sembah dan Aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang ku sembah, untukmu lah agamamu dan untukku agamaku'."<sup>21</sup>

Gerakan Islam wajib mempertahankan kebenaran dengan komitmen, kekuatan dan keadilan. Ia tidak harus dipengaruhi oleh keadaan dan tidak mudah dipaksa menerima penyelesaian yang tidak sejajar dengan titik tolak akidah dan akhlak mereka seperti yang di peringatkan Allah SWT dalam Al-Qur'an.<sup>22</sup> Ia juga tidak harus menukar keredhaan manusia dengan kemurkaan Allah kerana ini hanya akan menambahkan kehinaan. Sebaliknya, ia perlu berusaha mencari keredhaan Allah, walaupun manusia tidak menyukainya. Sesungguhnya, inilah yang akan menyebabkan Allah menambahkan kemuliaan kepadanya.

#### **2.1.4. Persediaan Gerakan Islam**

Gerakan Islam adalah jemaah yang bergerak dengan perancangan dan persediaan yang mantap. Terdapat lima (5) persediaan yang harus dimiliki oleh setiap gerakan Islam;<sup>23</sup>

1. Keimanan yang mendalam dan yakin akan pertolongan Allah sebagai *Khaliq*
2. *Manhaj* (metode) yang boleh diterima
3. Mengutamakan persaudaraan
4. Yakin akan ganjaran dan balasan dari Allah
5. Yakin pada diri sendiri.

---

<sup>21</sup> Surah Al-Kaafirun (109 : 1-6)

<sup>22</sup> Surah Al-Maa-idah (5 : 49)

<sup>23</sup> Hassan al-Banna, op. cit.

Gerakan Islam perlu mempunyai bekalan dan persediaan seperti yang dimiliki oleh pendukung-pendukung dakwah pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat baginda. Dalam mencipta sejarah terutama untuk masa kini, gerakan Islam wajar diilhamkan oleh kegemilangan generasi mithali yang memahami dan menghayati Islam dengan jayanya dengan keyakinan bahawa Allah akan bersama-sama membantu orang-orang yang menegakkan agamanya, sebagaimana firman Allah yang bermaksud;

"Jika Allah menolong kamu maka tidak ada orang yang dapat mengalahkan kamu".<sup>24</sup>

Dengan persediaan yang mantap ini akan memudahkan pergerakan dakwah, iaitu menanamkan iman dalam hati masyarakat kerana ini akan menjadi senjata bagi mengajak manusia membuat yang ma'ruf dan meninggalkan yang mungkar. Pendekatan inilah yang diambil oleh Rasulullah, bermula dengan memberitahu manusia mengenai Allah dan akhirat dan setelah itu, barulah mereka disuruh solat dan kemudian khamar dan zina diharamkan.

Sementara itu, gerakan Islam mempunyai *manhaj* (metode) yang unggul, istimewa dan sesuai untuk setiap masa dan tempat. Rasulullah SAW dan Al-Qur'an adalah panduan hakiki yang terbaik untuk seluruh umat seperti maksud firman Allah SWT;

"Hai ahli kitab, sesungguhnya telah datang kepadamu Rasul kami, menjelaskan kepadamu banyak dari isi Al-Kitab yang kamu sembunyikan , dan banyak (pula yang) dibiarkannya...Dengan kitab itulah (Al-Qur'an) Allah menunjuki orang-orang yang mengikut keredhaan ke jalan keselamatan dan dengan (kitab itu pula ) Allah mengeluarkan orang-orang itu dari gelap gelita kepada cahaya yang terang benderang dengan seizinya dan menunjuki mereka ke jalan yang lurus."<sup>25</sup>

---

<sup>24</sup> Surah Ali-Imran (3 : 160).

<sup>25</sup> Surah Al-Maa-idah (5 : 15-16).

Dalam masa yang sama, gerakan Islam yang baik juga adalah yang berusaha memelihara ukhuwah Islamiyyah antara satu sama lain kerana ia adalah dasar kesatuannya. Firman Allah SWT, ertinya;

"Sesungguhnya orang-orang mukmin itu adalah bersaudara".<sup>26</sup>

Ruang perpecahan harus ditutup kerana sesungguhnya syaitan akan berusaha untuk memecah-belahkan mereka, seperti yang dikatakan dalam Al-Qur'an sebagai '*'nazqh'*' (hasutan). Perpecahan pasti tidak akan membawa faedah sebaliknya akan menyebabkan kehancuran. Disamping itu, gerakan Islam tidak harus merasa gentar dalam menghadapi apa sahaja tribulasi. Perjuangan memang menghendaki pengorbanan tetapi kita harus yakin dengan jaminan Allah bahawa 'sesungguhnya Allah tidak akan mensia-siakan pahala orang yang berbuat baik'<sup>27</sup>.

Dalam masa yang sama, mereka harus percaya pada diri sendiri, dengan keyakinan mereka sebenarnya termasuk dalam golongan orang-orang terpilih. Keyakinan ini sekaligus akan membantu komitmen penyokongnya menjadikan jemaah mereka gerakan yang '*'tasamuh'*'(toleransi), '*'mawaddah'*'(berkasih sayang) yang berlandaskan ketaqwaan sehingga orang lain secara sukarela akan menggabungkan diri dalam perjuangan Islam.

## **2.2. Pembahagian Pergerakan Islam di Malaysia**

Di Malaysia, peranan Pergerakan Islam dalam membangun tamadun, mencorakkan pemikiran dan membentuk struktur sosial masyarakat, khususnya di lingkungan umat Islam, memang tidak boleh dinafikan. Bagaimanapun, belum banyak

---

<sup>26</sup> Surah Al-Hujurat (49 : 10)

<sup>27</sup> Surah At-Taubah (9 : 120)

kajian yang dilakukan para sarjana berkaitan dengan hakikat ini, kerana para sejarawan, terutama yang mewakili Barat lebih berminat untuk menonjolkan peranan positif mereka semata-mata.

Setiap gerakan Islam dalam beberapa hal yang asas mempunyai persamaan. Tujuannya yang paling utama ialah ingin merealisasikan Islam sebagai *Nizam al-Hayah* (satu cara hidup). Walau bagaimanapun, sebagai pertubuhan, sudah tentu masing-masing mempunyai pendekatan, cara dan sistem pendidikan serta mewakili berbagai aspirasi. Boleh dikatakan gerakan-gerakan Islam yang dimaksudkan saling berperanan lengkap melengkapi ke arah merealisasikan cita-cita dan matlamat yang satu. Dalam hal ini, perbezaan yang terdapat di kalangan pergerakan Islam telah melahirkan berbagai bentuk gerakan Islam. Antaranya adalah yang berkecimpung dalam bidang politik. Gerakan Islam pertama di negara ini yang menjadikan parti politik sebagai wadah perjuangannya adalah parti Hizbul Muslimin (HAMIM). Seperti gerakan pembaharuan sejagat yang telah dipelopori oleh ulama terkenal tiga serangkai iaitu Sayyid Jamaluddin al-Afghani dan muridnya Syaikh Muhammad Abduh serta Sayyid Muhammad Rashid Ridha di Asia Barat, HAMIM juga menuju kepada perjuangan untuk meletakkan Al-Qur'an dan Hadith ke tempat yang paling tinggi.

Bagaimanapun, usia parti ini tidak panjang kerana pada bulan Ogos tahun yang sama, tujuh pemimpin utama parti ini, termasuk Ustaz Abu Bakar, telah ditahan oleh penjajah Inggeris. Namun, kejadian ini tidak mematahkan semangat para pendukung gerakan Islah yang sebenarnya kerana gerakan seperti itu telah bertapak pada awal

abad ke 20 dengan pusatnya di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang<sup>28</sup>. Sebahagian daripada mereka inilah yang kemudiannya menubuhkan PAS.

Di samping pergerakan Islam yang bercorak politik, terdapat juga beberapa badan Islam di negara ini yang bergerak dalam bidang kebajikan atau yang ditubuhkan khas oleh kerajaan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Islam. Secara keseluruhannya kepelbagaiannya pergerakan Islam di Malaysia ini dapat dilihat daripada pembahagian di bawah:

1. Gerakan Islam bercorak kepartian (politik)
  - i) Parti Islam se Malaysia (PAS)
  - ii) Hizbul Muslimin (HAMIM)
  - iii) Barisan Jamah Islam se Malaysia (BERJASA)
2. Gerakan sosial Islam
  - i) Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
  - ii) Jemaah Dar Al-Arqam
  - iii) Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)
  - iv) Jamaat Tabligh
  - v) Majlis Perwakilan Islam (IRC)
  - vi) Persatuan Ulamak Malaysia (PUM)
3. Gerakan kebajikan Islam
  - i) Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM)
  - ii) Institut Dakwah Islamiyah Malaysia (INDAH)

---

<sup>28</sup> Gerakan Islah (Angkatan Pembaharuan) ini telah muncul pada tahun 1906 dengan menerbitkan majalah Al-Imam di Singapura. Pada tahun 1926, mereka menerbitkan majalah *Al-Ikrwan*, dan pada tahun 1925 dan 1928 masing-masing menerbitkan surat khabar *Edaran Zaman* dan *Saudara*, yang semuanya diterbitkan di Pulau Pinang. Gerakan ini dipimpin oleh Syeikh Mohd Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh Al-Hadi dan Haji Abbas Taha. Mereka berpendapat kelemahan umat Islam itu adalah disebabkan oleh pengaruh-pengaruhnya tidak mengikuti ajaran-ajaran Islam yang betul sebagaimana yang terkandung di dalam Al-Qur'an dan Hadith.

- iii) Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (BINA)
- iv) United Sabah Islamic Association (USIA)
- v) Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
- vi) Persatuan Belia Islam Sabah (BISA)

### **2.3. Sebab-sebab Lahirnya Pergerakan Islam di Malaysia**

Dalam konteks negara ini, kelahiran gerakan-gerakan Islam didorong oleh dua faktor besar, iaitu pengaruh luaran yang meresap masuk seperti dari Timur Tengah, Afrika Utara dan Asia dan perubahan sosial kesan dari perkembangan dalaman. Seperti yang telah disentuh, pengaruh gerakan Islam antarabangsa begitu ketara sekali, terutamanya dalam memberi kesedaran dan membentuk pemikiran generasi muda Islam yang kemudiannya mempelopori pembentukan pergerakan-pergerakan Islam dalam berbagai bentuk dan pendekatan. Pada pandangan mereka, ini membuktikan bahawa sebuah jemaah Islam di perlukan untuk mendaulatkan Islam di negara mereka sendiri. Misalnya pemimpin-pemimpin awal jemaah Islam yang menegakkan PAS telah mengambil kira bahawa mewujudkan negara Islam adalah suatu kewajipan. Ini memandangkan bahawa kesemua organisasi yang wujud pada waktu itu mempunyai landasan perjuangan dengan ideologi-ideologi sendiri, yang tidak memungkinkan wujudnya sebuah negara Islam dengan sistem pemerintahan Islam yang sebenar. Maka mereka berpendapat menjadi wajib untuk diwujudkan sebuah jemaah Islam bagi menegakkan Islam<sup>29</sup>.

Polisi 'Pecah dan Perintah' (*Divide and Rule*) yang diperkenalkan oleh penjajah, terutama Inggeris, adalah antara faktor yang menyebabkan umat Islam mundur. Ini kerana mereka tidak diberi peluang menceburi sektor ekonomi yang penting, khususnya

sesudah orang-orang Cina dan India dibawa masuk beramai-ramai sejak pertengahan abad ke 18. Sehingga dekad 60-an, scenario ini ternyata tidak banyak berubah meskipun negara ini telah lepas dari belenggu penjajahan. Ketempangan ini memang disedari oleh orang-orang Melayu, tetapi tidak banyak yang dapat mereka lakukan, terutamanya kerana terikat dengan faktor adat atau agama yang begitu menekankan soal kepatuhan kepada pimpinan. Kegelisahan ini akhirnya tidak dapat dibendung, apabila orang-orang Melayu meluahkan perasaan mereka dalam peristiwa 13 Mei 1969.

Menurut John C. Raines, peristiwa 13 Mei 1969 dianggap sebagai '*the founding event of modern Malaysia*' dalam sejarah politik serta perkembangan gerakan Islam di negara ini. Menurutnya lagi,

"What exploded that day was Malay-Muslim resentment at being kept disinheritors in your own country. May 13<sup>th</sup> 1969 announced the end of one way of being Malay-Muslims and the beginning of a new way. And what began that day remains to this day not an accomplishment but a struggle".<sup>30</sup>

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki keadaan yang tidak sihat dalam konteks perhubungan kaum di Malaysia. Misalnya, Akta Hasutan di perkenalkan agar hak-hak istimewa bumiputera seperti Agama Islam, Bahasa dan kedudukan Raja-Raja Melayu tidak dipersoalkan. Ini akhirnya memberi ruang kepada meningkatnya kesedaran keagamaan masyarakat, iaitu aset penting dalam melahir dan menampilkan gerakan-gerakan Islam.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan dua tujuan utama, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat turut diperkenalkan. Menurut Judith

<sup>29</sup> A. K. Hidayat, *PAS 1951 - 1991 (Tercabar - Mencabar)*, Kuala Lumpur : G.G. Edar, 1986, hal. 10.

<sup>30</sup> John C. Raines, "Post-Colonial Struggles In Malaysia : Telling The Story of ABIM", *Kertas Kerja Simposium Islam dan Masa Depan* sempena Muktamar Sanawi ABIM ke 25 pada 16-19 Ogos 1996 di Dewan Muktamar Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Nagata<sup>31</sup>, apa yang menarik, pelajar-pelajar Malaysia di luar negara dikatakan tidak dapat menerima DEB ini atas alasan dasar itu mempunyai ciri-ciri kapitalisme, materialisme serta menindas golongan miskin, malah menambahkan golongan yang sedia kaya. Hakikat ini adalah antara bukti perubahan pemikiran masyarakat sehingga mereka telah berani menyuarakan perkara yang bercanggah dengan Islam.

#### **2.4. Kumpulan Pendesak (Pressure Group)**

Kumpulan pendesak adalah istilah yang banyak digunakan dalam merujuk pada peranan yang dimainkan oleh kumpulan-kumpulan sosial dalam perjuangan mereka mencapai apa yang dihasratkan. Ia juga dikaitkan dengan pertubuhan-pertubuhan yang berusaha mempengaruhi keputusan pemerintah dengan tidak perlu menjadi sebahagian daripada pemerintah. Pengkaji disiplin Sains Politik memandang kumpulan pendesak mempunyai fungsi positif dan berperanan dalam proses demokrasi<sup>32</sup>. Ini mungkin ada hubungan dengan kemampuannya mempengaruhi kerajaan merubah polisinya. Pandangan ini sekali gus menimbulkan tanggapan terutamanya di kalangan ahli politik bahawa tindakan dan operasi kumpulan pendesak itu sebagai pengawal sistem demokrasi.<sup>33</sup>

---

<sup>31</sup> Judith Nagata, *The Reflowering of Malaysian Islam*, Vancouver: University of British Columbia Press, 1984.

<sup>32</sup> Bridget Pym, *Pressure Group and Permissive Society*, Newton Abbot : David and Charles (Holdings), 1974, hal. 11

<sup>33</sup> Ibid, hal. 115.

#### **2.4.1. Pengertian Kumpulan Pendesak (Pressure Group)**

Salah satu cara yang boleh digunakan untuk mengambil bahagian dalam proses interaksi antara rakyat dan kerajaan adalah melalui kumpulan pendesak (*pressure group*), yang antara lainnya ditakrifkan seperti berikut;

"A group of people that actively tries to influence public opinion and government action for its own advantage".<sup>34</sup>

Mancur Olson Jr. melihat kumpulan pendesak sebagai sebuah pertubuhan yang antara lainnya bertujuan untuk mempengaruhi pembuat keputusan;

"An organisation which attempts to advance a cause or causes by creating pressure on the public, or private bodies, parties and local and central government with a view to influencing decision making".<sup>35</sup>

Kay Lawson pula berpendapat kumpulan pendesak mampu mempengaruhi kerajaan untuk membuat keputusan berhubung polisi awam;

"Pressure groups articulate the interests of people who want to influence decisions about public policy".<sup>36</sup>

Sementara itu, Kapor menganggap pengaruh kumpulan pendesak bukan sahaja setakat mempengaruhi polisi-polisi awam , tetapi juga dapat mempengaruhi pihak-pihak lain seperti ahli perundangan, pentadbiran dan pendapat orang ramai;

"Pressure groups tend to influence the legislators, the administrators and public opinion".<sup>37</sup>

---

<sup>34</sup> Paul Procter (ed.), *Longman Dictionary of Contemporary English*, England : Longman Group, 1978, hal. 864.

<sup>35</sup> Mancur Olson Jr., *The Logic of Collective Action*, Cambridge , Harvard University Press, 1965, hal. 69.

<sup>36</sup> Kay Lawson, *The Human Polity : An Introduction to Political Science*, Boston : Houghton-Mifflin, 1985, hal. 233-246.

<sup>37</sup> A. C. Kapor, *Principles of Political Science*, Delhi : S. Chand & Co., 1991. Hal.588.

Dalam pada itu, W. N. Coxall<sup>38</sup> berpendapat bahawa kumpulan pendesak ini biasanya merujuk kepada satu bentuk pertubuhan politik yang informal, dimana segala aktivitinya mempunyai pengaruh yang agak besar dalam proses pembuatan keputusan (*decision making*) dalam sesebuah negara. Ia akan cuba bertindak melalui tindakan politik (*political action*) dalam menuntut perubahan berhubung dengan perkara atau isu-isu yang dianggap munasabah. Dalam waktu yang sama, ia juga akan cuba menyekat atau menentang sebarang perubahan yang dianggap tidak sesuai atau tidak munasabah mengikut perkiraan atau pertimbangan tertentu.

Walau bagaimanapun, perlu disedari bahawa kumpulan pendesak ini tidaklah sama pengertian dan peranannya dengan parti politik. Ini terjadi kerana jarang sekali terdapat kumpulan pendesak yang mempunyai hasrat atau bercita-cita menu buhkan kerajaan dan tidak pula memancing undi dalam satu-satu pilihanraya. Dalam erti kata lainnya, ia tidak memerlukan kuasa politik secara langsung<sup>39</sup>. Sehubungan dengan itu, kumpulan pendesak ini sama ada disedari atau tidak, secara langsung atau tidak, masih mempunyai hubungan dengan sesebuah parti politik<sup>40</sup>.

Carol S. Greenwald berpendapat bahawa kumpulan berkepentingan (*interest group*), kumpulan pendesak, *lobbying*, pertubuhan sukarela dan persatuan adalah bersifat *interchangeable* yang membawa maksud yang sama sebagai kumpulan yang berkepentingan politik (*political interest groups*). Ini kerana pada beliau, kesemua kumpulan tersebut merupakan agensi politik yang asas (*primarily political employment*

---

<sup>38</sup> W. N. Coxall, *Parties and Pressure Groups*, U. K. : Longman Group Ltd., 1981, hal. 10.

<sup>39</sup> Ibid, hal. 11

<sup>40</sup> Ibid, hal. 12

*agencies)*<sup>41</sup>. Dari satu sudut tertentu pula, kumpulan berkepentingan ini dianggap mempunyai kesamaan dengan kumpulan pendesak, kiranya ia ada membuat tuntutan tertentu ke atas mana-mana institusi kerajaan<sup>42</sup>.

Menurut Maurice Duverger, pada umumnya kumpulan pendesak boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kumpulan *exclusive* dan kumpulan *partial*. Kumpulan *exclusive* adalah merujuk kepada mana-mana kumpulan pendesak yang menjadikan aktiviti-aktiviti yang bersifat politik sebagai keutamaan dalam rangka pergerakannya. Sementara itu, kumpulan *partial* pula adalah merujuk kepada kumpulan pendesak yang hanya menjadikan aspek politik sebagai sebahagian daripada seluruh aktivitinya, atau tidak diberi keutamaan<sup>43</sup>.

Dalam pada itu, pengaruh dan keberkesanan kumpulan-kumpulan pendesak lazimnya ditentukan oleh keramaian ahli, ketokohan pemimpin, adanya hubungan yang mudah atau erat dengan golongan pembuat keputusan (*decision makers*) dan terdapatnya perpaduan dalaman di dalam organisasi kumpulan pendesak itu sendiri<sup>44</sup>.

#### **2.4.2. Ciri-ciri Kumpulan Pendesak**

Peranan dan persepsi pimpinan yang menerajui organisasi sesebuah kumpulan pendesak begitu menonjol dalam menentukan arah haluan perjuangannya. Pada lazimnya sama ada *moderate* atau *extreme* bentuk perjuangan kumpulan-kumpulan

<sup>41</sup> C. S. Greenwald, *Group Power : Lobbying and Public Policy*, New York : Praeger Publications, 1977, hal.15

<sup>42</sup> Ibid, hal 23-24

<sup>43</sup> Maurice Duverger, *Parti Politik dan Kelompok-kelompok Penekan* (terjemahan), Yogyakarta : Penerbitan Bina Aksara, 1984, hal. 122.

<sup>44</sup> Thomas R. Dye, *Understanding Public Policy* (4<sup>th</sup>. Ed.), New Jersey : Prentice-Hall Inc., Englewood Cliffs, 1981, hal. 27.

tertentu amat bergantung kepada bentuk kepimpinan (*pattern of leadership*) mereka dalam sesuatu masa. Sehubungan dengan realiti ini, Kimber dan Richardson<sup>45</sup> menyebut;

"The pattern of activity of a pressure group is determined by its perception (usually its leader's perception) of the nature of the strategic situation it confronts in relation to its resources".

Justeru itu, tidaklah menjadi suatu perkara yang menghairankan jika strategi dan taktik, malah prinsip-prinsip perjuangannya turut berubah mengikut era kepimpinan tertentu.

#### **2.4.3. Kaedah Kumpulan Pendesak**

Sesungguhnya menjadi kelaziman, kumpulan pendesak akan menggunakan teknik, strategi dan pendekatan tertentu dalam operasinya bagi mendapat bantuan atau sokongan dari angota sosial ketika memperjuangkan sesuatu isu. Dalam keadaan tertentu, mereka kadangkala secara langsung menekan pihak berkuasa seperti kementerian atau agensi-agensi kerajaan lainnya. Lebih jauh lagi, ada kecenderungan kumpulan pendesak ini untuk mendapatkan pengaruh bagi membentuk suatu pendapat umum (*public opinion*).<sup>46</sup>

Sehubungan itu, strategi dan teknik yang di gunakan turut bergantung kepada objektif mereka serta sekali gus ditentukan oleh sistem kerajaan yang hendak

---

<sup>45</sup> R. Kimber dan J. J. Richardson, *Pressure Groups in Britain : A Reader*, London : Dent and Sons Ltd., 1974, hal. 12

<sup>46</sup> Pendapat umum (*public opinion*) juga dianggap sebagai '*a strategy of persuasion*'. Untuk perbincangan lanjut, lihat Geoffrey K. Robert, *Political Parties and Pressure Groups in Britain*, New York :Macmillan & Co, Ltd., 1971, hal. 79; dan lihat juga Thomas A. Reilly and Michael W. Siggal, *Political Bargaining*, San Francisco : W. H. Freeman and Co., 1976, hal. 82-83.

dipengaruhi itu. Kaedah-kaedah yang digunakan oleh kumpulan pendesak ini adalah seperti berikut;

1. Melobi:

Dalam negara demokrasi, kaedah ini kerap digunakan. Kumpulan pendesak akan cuba melobi pihak majlis undangan agar cenderung ke arah perjuangan mereka dalam memperkenalkan, memperbaharui, meluluskan dan menghalang diluluskannya sesuatu undang-undang. Orang yang melobi ini lazimnya dari golongan professional yang diupah sepenuh atau separuh masa, dan mereka ini mempunyai hubungan yang rapat dengan kerajaan.

2. Tindakan Terus

Kaedah ini lebih digemari, terutama pada zaman sekarang. Misalnya tunjuk perasaan, piket, melalui tulisan yang kritis, iklan dan kegiatan-kegiatan yang akan menarik perhatian media massa dan orang ramai.

3. Demonstrasi

Kaedah ini semakin popular di kalangan kumpulan pendesak. Ini disebabkan oleh kemajuan sains dan teknologi yang sekali gus merubah cara berfikir masyarakat. Mereka lebih berani menyuarakan ketidakadilan secara terbuka.

4. Secara paksaan dan haram

Kumpulan pendesak tidak boleh lari dari menggunakan kaedah ini. Lazimnya ia digunakan dalam keadaan terdesak. Serangan bersenjata atau ancaman bom adalah sebahagian daripada cara yang digunakan dalam kaedah ini. Mereka juga berkemungkinan menggunakan teknik tidak bekerjasama (*non-cooperation*) dengan pihak berkuasa, dan cuba mengagalkan penyertaan atau sokongan rakyat dalam satu-

satu rancangan atau polisi kerajaan ataupun tidak akan mengambil bahagian dalam langkah-langkah baru yang akan dilaksanakan oleh kerajaan<sup>47</sup>.

## **2.5. Penilaian**

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa kumpulan pendesak merupakan kumpulan atau organisasi yang pada umumnya menjadikan aspek politik sebagai sebahagian dari seluruh aktivitinya, baik secara langsung atau tidak langsung. Walaupun penulis-penulis tidak sepakat dalam memberikan definisi, namun pada hakikatnya mereka akur dengan pendapat adanya hubungan yang erat antara kumpulan pendesak dengan parti politik khususnya dalam sistem demokrasi. Walau apapun penjelasan yang diberikan terhadap kumpulan-kumpulan pendesak itu, nyata mereka tetap memperakui pentingnya peranan kumpulan tersebut sebagai pengawal demokrasi (*safeguard of democracy*).

Pada umumnya, kumpulan pendesak ini mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Dari segi praktik, tidak semua kumpulan tersebut mempunyai keseluruhan ciri-ciri yang disebutkan itu. Misalnya, dalam konteks pergerakan sosial Islam dan kebajikan Islam sebagai kumpulan pendesak di Malaysia, tidak terdapat penggunaan kaedah paksaan seperti serangan bersenjata dan ancaman bom untuk memperoleh tuntutan yang mereka perjuangkan. Namun adalah wajar untuk mengatakan bahawa organisasi atau kumpulan tertentu yang mempunyai sebahagian besar dari ciri-ciri tersebut, dapat dianggap sebagai kumpulan pendesak. Kesemua pendekatan dan teknik yang disebutkan di dalam perbincangan di atas, tidak lain dan tidak bukan adalah bertujuan untuk memastikan kejayaan tuntutan-tuntutan yang mereka perjuangkan.

---

<sup>47</sup> J. P. Mackintosh, *The Government and Politics of Britain*, London : Hutchinson Co. Ltd., 1979, hal. 89.